

SOSIAL

Bantu gelandangan elak dadah, hidup lebih baik

Siang hari, Kuala Lumpur adalah ibu negara Malaysia yang pesat membangun dengan rakyatnya sibuk membereskan urusan masing-masing. Namun, pada malamnya, sisi gelap bandaraya Kuala Lumpur jelas kelihatan kelompok manusia yang tidak berumah mendiami 'istana' mereka di bawah jambatan dan di tepi premis perniagaan yang sudah tamat waktu perniagaan.

Golongan gelandangan ini wujud disebabkan pelbagai faktor seperti masalah ekonomi, psikologi, isu dengan keluarga selain kegagalan mencari pekerjaan apabila berhijrah ke ibu kota.

Masyarakat Malaysia amat stereotaip dalam melihat golongan gelandangan sebagai mereka yang terbabit dalam penyalahgunaan dadah disebabkan kehidupan mereka yang tidak teratur. Banyak perkara yang tidak jelas dan agak misteri apabila mempersoalkan berkenaan golongan gelandangan ini. Siapa mereka, asal usul, di mana keluarga mereka dan apakah sumber rezeki mereka.

Namun, soalan yang paling sukar ditanya tentu sekali kenapa

mereka menjadi gelandangan. Seringkali jawapan diterima akan meruntun jiwa dan sanubari penyoalnya. Apa tidaknya kerana terdapat golongan kanak-kanak, malahan bayi yang seawal usia mereka turut menjadi gelandangan.

Perlu rawatan, kaunseling

Hakikatnya terdapat peraturan tinggi menunjukkan golongan gelandangan berhadapan kesukaran dalam menghadapi penyalahgunaan dadah, namun penagihan ini harus dilihat sebagai satu penyakit yang memerlukan rawatan dan sesi kaunseling. Penyalahgunaan dadah dalam erti kata lain boleh dikatakan sebagai punca munculnya golongan gelandangan dan juga akibat menjadi golongan gelandangan.

Kewujudan faktor risiko yang tinggi dalam kehidupan gelandangan dapat dilihat sewaktu penulis menyertai sukarelawan sebuah pertubuhan bukan kerajaan memberi bantuan makanan dan bertanya khabar gelandangan ini di sekitar ibu kota.

Ternyata mereka yang terdedah kepada tekanan dalam meneruskan kehidupan seharian menje-

rumuskan mereka dengan penyalahgunaan dadah. Lebih membimbangkan, desakan hidup ini pula menyebabkan mereka berisiko menjadi pengedar demi mendapatkan wang mudah tanpa memikirkan akibatnya kepada diri dan keluarga.

Namun, dalam kebanyakan situasi, penyalahgunaan dadah adalah kesan daripada menjadi gelandangan dan bukanlah sebaliknya. Golongan gelandangan mengambil dadah dan alkohol untuk menyesuaikan diri dengan keadaan dialami. Penggunaan dadah adalah cubaan mereka memperoleh kelegaan sementara dalam menghadapi masalah.

Namun, realiti yang disedari, ketagihan kepada bahan ini hanya akan mengurangkan keupayaan mereka mendapatkan pekerjaan tetap yang akan membawa ke arah kehidupan lebih baik. Ada juga golongan gelandangan yang terbabit dengan penyalahgunaan dadah dan alkohol semata-mata kerana mahu diterima dalam komuniti gelandangan.

Pelbagai pihak di Kuala Lumpur, Kuantan, Melaka dan Ipoh mengambil pendekatan mem-

bantu golongan gelandangan yang terbabit dalam penyalahgunaan dadah seperti menyediakan penempatan sementara pada siang hari untuk mereka berteduh dan menguruskan diri serta menyediakan perkhidmatan kaunseling. Penulis amat menyokong penuh usaha pihak yang amat prihatin ini.

Jangan mudah menghukum

Namun, yang paling utama dalam isu ini adalah untuk melihat usaha berterusan kerajaan dalam memastikan golongan gelandangan berkurangan. Bukannya dengan mendenda mereka kerana cukuplah mereka terhukum dengan kesusahan dan kedaifan hidup yang mereka alami tetapi dengan membantu mereka mencari pekerjaan agar dapat keluar dari kepompong bawah jambatan.

Kita tidak mahu golongan gelandangan ini terus wujud kerana setiap insan seharusnya tinggal di rumah yang selesa, yang pastinya akan menjadi faktor pelindung daripada penyalahgunaan dadah. Pencegahan itu sentiasa lebih baik daripada pemulihan.

Psiko-pendidikan juga boleh

FORUM

Pembaca yang ingin menyuarakan pandangan berhubung isu semasa boleh menghantar sumbangan menerusi e-mel: bhforum@bh.com.my

membantu dalam pencegahan penyalahgunaan dadah. Satu program psiko-pendidikan saban tahun dilaksanakan Pusat Penyelidikan Penyalahgunaan Dadah Asia, Universiti Sains Islam Malaysia melalui The International Drug Prevention and Rehabilitation Conference (PREVENT). Edisi 2015 akan berlangsung pada 23 November dan 24 November di Akademi Koreksional Malaysia, Pulau Langkawi.

Persidangan ini menyediakan platform untuk peserta berkongsi idea dan maklumat mengenai isu dadah.

Mohd Azirul Ismail

Universiti Sains Islam Malaysia